

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bilangan pekerja terutamanya pekerja tempatan yang diberhentikan atau *retrenched* semasa pandemik COVID19 dari awal tahun 2021 hingga terkini mengikut sektor dan nyatakan langkah Kerajaan bagi membantu pekerja-pekerja ini untuk mendapatkan pekerjaan semula serta nyatakan langkah Kerajaan bagi membantu golongan pekerja ini untuk menyara kehidupan mereka dan keluarga selepas mereka diberhentikan kerja.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) bagi tempoh Januari 2021 sehingga 3 September 2021, rekod kes kehilangan pekerjaan bagi pekerja tempatan adalah sebanyak 46,191 kes. Manakala jumlah kehilangan pekerjaan mengikut sektor-sektor ekonomi adalah seperti berikut:

- a. sektor pembuatan 8,387 orang pekerja,
- b. sektor perdagangan borong dan runcit 7,948 orang pekerja,
- c. sektor aktiviti profesional dan teknikal 3,945 orang pekerja
- d. sektor penginapan dan perhotelan 4,022 orang pekerja,
- e. sektor maklumat dan komunikasi 3,890 orang pekerja,

## **SOALAN NO: 35**

- f. sektor pembinaan 3,892 orang pekerja,
- g. sektor aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan 3,356 orang pekerja,
- h. sektor pengangkutan 2,547 orang pekerja,
- i. sektor kewangan 1,491 orang pekerja,
- j. sektor aktiviti perkhidmatan lain 1,486 orang pekerja,
- k. sektor pendidikan 1,417 orang pekerja,
- l. sektor aktiviti hartanah 1,354 orang pekerja,
- m. sektor kesenian, hiburan dan rekreasi 573 orang pekerja,
- n. sektor perlombongan 559 orang pekerja,
- o. sektor aktiviti kesihatan kemanusiaan 460 orang pekerja,
- p. sektor pertanian 375 orang pekerja,
- q. sektor bekalan elektrik 286 orang pekerja,
- r. sektor bekalan air 117 orang pekerja,
- s. sektor pentadbiran awam 55 orang pekerja,
- t. sektor aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah 29 orang pekerja; dan
- u. aktiviti isi rumah sebagai majikan 2 orang pekerja.

Kerajaan sedar dan prihatin bahawa impak pandemik COVID-19 adalah serius menyebabkan ramai pekerja yang kehilangan pekerjaan atau diberhentikan amat terkesan dan memerlukan sokongan serta bantuan. Antara bantuan Kerajaan bagi menangani isu kehilangan pekerjaan adalah dengan menyalurkan bantuan seperti berikut:

- i. Elaun Mencari Pekerjaan (EMP);
- ii. Elaun Bekerja Semula Awal (EBSA);
- i. Elaun Pendapatan Berkurangan (EPB);
- ii. Orang Berinsurans yang menjalani latihan akan mendapat Elaun Latihan;
- iii. Pembiayaan Fi Latihan; dan
- vi. Bantuan pencarian pekerjaan oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO.

Selain itu, Kerajaan turut mengambil inisiatif untuk membantu pekerja-pekerja ini untuk mendapatkan pekerjaan semula antaranya;

## **SOALAN NO: 35**

- i. Program Penjana Kerjaya 3.0 di bawah PEMULIH yang bermula 15 Julai 2021 hingga 31 Disember 2021 iaitu;
  - a. *Malaysianization* adalah satu program untuk menggalakkan majikan menggantikan pekerja asing dengan pekerja tempatan;
  - b. Inisiatif tempoh kontrak penggajian kepada kategori pekerja berusia 40 tahun ke atas, OKU dan bekas banduan;
  - c. Perluasan insentif pengambilan pekerja di bawah Program KerjayaGig; dan
  - d. Insentif Penempatan Pekerjaan oleh Agensi Pekerjaan Swasta (APS).

- ii. Program SIP Prihatin 2.0

- a. Perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP).

Disamping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO turut mempergiatkan beberapa program bagi mengawal kenaikan paras pengangguran rakyat secara keseluruhan serta menaikkan kualiti hidup rakyat termasuk kepada golongan graduan tanpa kerja dan belia tidak berkemahiran seperti;

- i. Program Karnival Kerjaya atau *Job Carnival*;
- ii. Program Insentif Pengambilan Pekerja (*Hiring Incentive Programme*); dan
- iii. Program latihan (*reskilling* dan *upskilling*) melalui Penyedia Latihan yang dilantik.

Sekian, terima kasih.